

**Kuala Lumpur****Mohon lesen 400 ahli diluluskan**

Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) memohon kerajaan meluluskan permohonan lesen perniagaan hampir 400 ahlinya yang masih tertangguh antara satu hingga tiga tahun lalu.

Setiausaha Agungnya, Ridhwan Rosli berkata, keadaan itu menyebabkan kumpulan berkenaan terpaksa beroperasi secara 'tertutup' sementara menunggu permohonan mereka diluluskan.

"Daripada 1,832 syarikat yang berdaftar di DPVM, kira-kira 20 peratus atau 366 ahli kita masih tidak diluluskan lesen perniagaan mereka oleh puluhan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

"Masalah ini ada yang berlarutan sehingga tiga tahun dan kami berharap PBT berkenaan dapat membantu meluluskan permohonan mereka sekali gus memudahkan pemantauan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas Majlis Aidiifitri DPVM Bersama Media di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Che Shukri Che Mat dan Presiden DPVM Syed Azaudin Syed Ahmad.

Mengulas lanjut, Ridhwan berkata, pihaknya menghargai usaha kebanyakan PBT lain yang memudahkan permohonan lesen perniagaan ahlinya seperti komitmen ditunjukkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menyokong industri vape atau rokok elektronik.

"Namun mungkin ada sesetengah PBT yang terlepas pandang beberapa perkara yang mungkin menyebabkan lesen tidak dapat diluluskan," katanya.